

Suami isteri harungi tempoh mencabar dengan cekal dan sepakat untuk berjaya

NST 26.11.2017 7
KOTA KINABALU: Kecakalan dan kesepakatan dalam mengharungi tempoh pengajian yang mencabar, kunci kejayaan buat pasangan suami isteri ini, Dr. Mohd. Mahdzir Rahim Mohamed Nawi dan Dr Norsimah Dasan dalam mengenggam segulung Ijazah Doktor Falsafah (PhD).

Masing-masing dalam bidang yang dipilih iaitu Dr. Mohd. Mahdzir melalui bidang Kurikulum dan Pengajaran manakala Dr Norsimah pula bidang Psikologi, pasangan ini adalah antara yang dirai dalam Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) kali ke 19 yang berlangsung baru-baru ini.

Menurut Dr Mohd. Mahdzir, berpegang kepada prinsip 'kejayaan satu paksaan' beliau mengakui telah melalui tempoh pengajian dengan penuh tabah.

"Sepanjang tempoh pen-




DR. Mohd. Mahdzir dan isterinya, Dr Norsimah.

gajian, saya telah melalui banyak dugaan. Beberapa kali menahan lapar dan pernah menumpang tidur di bilik kenalan setiap kali melakukan kajian ilmiah di hampir semua universiti tempatan disebabkan faktor luar jangka apabila berada di luar

daerah," katanya.

Katanya, selain daripada itu kesepakatan dengan isterinya juga adalah penting kerana hubungan yang harmoni membantu melancarkan pelan penyelidikan yang dirancang.

Dr Mohd Mahdzir



BERGAMBAR kenangan dengan Prof Dr Rasid Hj Mail, pemangku TNC Akademik dan Antarabangsa serta anak-anak.

menambah banyak perbincangan penyelidikan boleh dilakukan dengan mudah apabila isterinya mempunyai pengetahuan yang sama.

Berbeza pula dengan pengalaman isterinya, Dr Norsimah apabila pernah hampir seminggu tinggal di asrama pelajar ketika cuti semester sewaktu menjalankan penyelidikan.

"Perasaan takut dan ham-

pir putus asa bersilih ganti ketika itu. Alhamdulillah, pengalaman itu sangat berbaloi dengan kejayaan hari ini. Saya juga melihat kecekalan dan doa yang berterusan adalah semangat untuk berjaya," katanya yang melahirkan anak kelimanya ketika di tahun kedua pengajiannya.

Wanita cekal ini turut mengharapkan kejayaan yang

dicapai olehnya dan suaminya boleh memberi contoh serta motivasi kepada anak-anak mereka dan juga berharap dapat melihat ramai lagi pasangan suami isteri melanjutkan pengajian di peringkat PhD.

Turut meraikan kejayaan mereka pada hari itu adalah penyelia masing-masing iaitu Prof Madya Dr. Khalid Johari dan Prof Madya Dr. Balan Rathakrishnan.